

Headline	HLIB kekalkan saranan beli pada George Kent		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	07 Dec 2016	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	68 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 223
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 668



HLIB kekalkan saranan 'beli' pada George Kent

KUALA LUMPUR: Hong Leong Investment Bank (HLIB) mengekalkan saranan "beli" ke atas George Kent (M) Bhd dengan harga sasaran RM3.77 berdasarkan prestasi suku tahunan yang cemerlang.

Keuntungan sebelum cukai George Kent bagi suku ketiga

berakhir pada 31 Okt 2016 meningkat 76.9 peratus kepada RM29.56 juta berbanding RM16.71 juta yang dicatatkan pada tempoh sama tahun lepas.

Perolehan meningkat kepada RM122.09 juta berbanding RM96.93 juta yang dicatatkan sebelumnya, katanya dalam

satu kenyataan kepada Bursa Malaysia baru-baru ini.

HLIB berkata pendapatan terasnya sebanyak RM58 juta merupakan di luar jangkaan.

"Keputusan mengejutkan itu disebabkan oleh margin kejuruteraan yang kukuh," katanya, sambil menambah

bahawa kontrak yang diperoleh setakat ini tahun ini sebanyak RM771 juta menjadikan kontrak dalam tangan syarikat berjumlah RM5.9 bilion. Setakat tengah hari, saham George Kent naik lapan sen kepada RM2.88 dengan 820.900 saham diniagakan.

- Bernama